



Untuk Siaran Segera

## MGB MAJUKAN TANAH SELUAS 26 EKAR DENGAN NILAI PEMBANGUNAN KASAR (GDV) RM861 JUTA DI TAMAN BUKIT SERDANG, SELANGOR

**SELANGOR, 10 Oktober 2024** – MGB Berhad ("MGB" atau "Kumpulan"), penyedia solusi pembinaan dan pembangunan harta tanah terkemuka serta anak syarikat LBS Bina Group Berhad, hari ini mengumumkan bahawa anak syarikat tidak langsung Kumpulan, Prisma Kasturi Sdn Bhd, telah memeterai dua perjanjian kerjasama dengan Talam Transform Berhad dan Kandis Permai Sdn Bhd untuk membangunkan tanah seluas 16.5 ekar dan 9.5 ekar masing-masing di Taman Bukit Serdang, Selangor.

Plot pertama seluas 16.5 ekar untuk projek pembangunan bercampur, merangkumi lot kedai komersial serta rumah mampu milik di bawah skim Rumah Selangorku. Plot kedua, seluas 9.5 ekar, merupakan Tanah Rizab Melayu dan akan dibangunkan sebagai kawasan kediaman untuk pemilik rumah Bumiputera. Gabungan keluasan kedua-dua plot tanah tersebut adalah 26 ekar, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM861.35 juta.

Tanah ini terletak di lokasi yang strategik, dengan akses kepada pelbagai kemudahan dan fasiliti, seperti sekolah dan universiti, pusat membeli-belah, kompleks sukan, hospital serta pengangkutan awam melalui stesen KTM Komuter Serdang dan MRT Serdang Raya Utara. Selain itu, kawasan ini juga dihubungkan dengan beberapa lebuhraya utama seperti Lebuhraya Maju (MEX), Lebuhraya KESAS, Lebuhraya Damansara Puchong, Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Sungai Besi, serta Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Kedudukannya yang berhampiran dengan kawasan bandar-bandar utama seperti Putrajaya, Cyberjaya dan Pusat Bandar Kuala Lumpur menjadikannya lokasi yang ideal untuk pemilik rumah.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB Berhad, Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San berkata, "Kami teruja mendapat peluang untuk menyumbang dalam usaha memenuhi permintaan perumahan mampu milik yang semakin meningkat di kawasan Lembah Klang, sementara mengembangkan portfolio kami dalam sektor harta tanah kediaman dan komersial. Di dalam semua pembangunan di MGB, kami mengintegrasikan teknologi konkrit pratuang (IBS) yang cekap dan kos efektif, sekali gus dapat membina rumah yang berkualiti tinggi dan selesa. Hasil daripada setiap pembangunan yang berjaya dilaksanakan, MGB semakin menghampiri hasrat untuk membina 10,000-unit Rumah Selangorku di Negeri Selangor."

"Dengan jumlah pesanan pembinaan yang kukuh bernilai RM1.19 bilion, jualan pembangunan harta tanah yang belum dibil berjumlah RM693 juta daripada projek yang masih dalam pembinaan (setakat 30 September 2024) serta penyerahan pemilikan rumah bagi Projek Idaman BSP yang baru sahaja dilaksanakan, Kumpulan menjangkakan kejayaan yang konsisten pada separuh kedua tahun ini. Dengan jumlah 19 projek yang masih dalam pembinaan, kami menjangkakan hasil pendapatan sebanyak RM4.02 bilion pada tahun-tahun akan datang."

Selain itu, kami telah memperoleh tanah seluas 32.0 ekar di Puchong bagi menambah bank tanah sedia ada untuk projek-projek pembangunan yang akan datang. MGB akan tetap komited untuk mengukuhkan reputasi kami dalam pembangunan dan pembinaan perumahan mampu milik untuk rakyat," tambahnya.

-Tamat-

---

### **Mengenai MGB Berhad**

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad ("MGB") telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah dengan perhatian utama memfokuskan kepada penyelesaian kepada penyediaan pembinaan yang lebih efisien serta kos efektif yang merangkumi kepelbagaiannya industri, terutamanya pasaran pembinaan secara meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi gaya hidup rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka bentuk, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod cemerlang selama 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari sebanyak 29,000-unit hartanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah berjaya menyiapkan 12,000 buah rumah dengan menggunakan teknologi IBS.

Untuk keterangan lanjut, layari [www.mgbgroup.com.my](http://www.mgbgroup.com.my).

---

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

**Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital  
LBS Bina Group Berhad**  
**Emel: [media@lbs.com.my](mailto:media@lbs.com.my)**

**Lee Tec Minn**  
**Emel: [leetm@mgbgroup.com.my](mailto:leetm@mgbgroup.com.my)**

**Sandra Tan, Imej Jiwa Sdn Bhd**  
Email : [sandra@imejiwa.com](mailto:sandra@imejiwa.com)